

KHUTBAH JUMAAT

“MENELADANI RASULULLAH SAW DAN MENGHAYATI SUNNAHNYA”

(30 Oktober 2020M/ 13 Rabiulawal 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى إِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ
وَأَمْتِنَانِهِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الدَّاعِي إِلَى رِضْوَانِهِ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
وَإِخْوَانِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Maksudnya : *Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. (Surah al-Anbia', ayat 107)*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan,

kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : ***“Meneladani Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Dan Menghayati Sunnahnya”***.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kelahiran Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* dan perutusan Baginda sebagai Rasulullah adalah bukti teragung betapa luasnya rahmat Allah *subhanahu wata'ala* kepada seluruh alam. Menerusi kerasulan Baginda *sallallahu alaihi wasallam*, Allah *subhanahu wata'ala* telah menyebarkan petunjuk dan hidayah-Nya kepada manusia. Malah, khusus buat orang beriman, Allah *subhanahu wata'ala* melipatgandakan rahmat-Nya dengan perutusan baginda. Firman Allah *subhanahu wata'ala* menerusi surah al-Hadid, ayat 28 yang bermaksud:

(Wahai orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dan tetaplah beriman kepada Rasul-Nya (Muhammad), supaya Allah memberi kepada kamu dua bahagian dari rahmat-Nya, dan menjadikan bagi kamu cahaya untuk kamu berjalan dengannya (pada hari kiamat kelak), serta diampunkannya dosa kamu, dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.)

Demikianlah rahmah dalam perutusan Baginda sebagai penutup para nabi dan rasul. Apa jua yang datang dari sisi baginda sama ada dari sudut pegangan akidah, amalan syariat dan pedoman akhlak adalah berasaskan bimbingan wahyu ilahi yang wajib kita patuhi dan teladani.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sheikh Muhammad Said Ramadan al-Buthi *rahimahullah* pernah menceritakan dalam kitabnya “Fiqh as-Sirah” bahawa antara tujuan mempelajari sirah Nabi *sallallahu alaihi wasallam* adalah untuk memahami peribadi Nabi *sallallahu alaihi wasallam*, melalui penghayatan kehidupannya. Kerana melalui penghayatan tersebut, ia bakal memberi gambaran akan keistimewaan Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sebagai utusan dan kekasih Allah *subhanahu wata’ala*. Baginda sebagai contoh teladan yang terbaik buat kita.

Maka dalam usaha menunjukkan rasa cinta kita kepada Baginda *sallallahu alaihi wasallam*, kita dianjurkan untuk menghayati sirah kehidupan Baginda. Dengan kita menelusuri sirah Baginda, ia dapat meningkatkan lagi keimanan dan kecintaan kita kepada Baginda dan menjadikan kita seorang Muslim yang sentiasa bersyukur dengan kurniaan Allah *subhanahu wata’ala*.

Pastinya ia bakal menghasilkan kebaikan pada diri serta menjadikan kita seorang insan yang dekat kepada Allah *subhanahu wata’ala*. Kerana seorang yang benar-benar mencintai Nabi serta mengamalkan ajaran Baginda, pastinya tidak akan mencemarkan amalannya dengan akhlak yang buruk.

Namun persoalan yang wajar kita tanya kepada diri kita untuk bermuhasabah ialah apakah kita benar-benar mengenali dan mencintai Nabi *sallallahu alaihi wasallam* serta menjadikan baginda sebagai idola dan contoh ikutan? Adakah ahli keluarga dan

masyarakat kita mengamalkan gaya hidup muslim seperti Nabi *sallallahu alaihi wasallam* dan para sahabat? Atau tanpa disadari kita hanya sekadar mengenali nama dan mendakwa mencintai Baginda *sallallahu alaihi wasallam*, tetapi tidak pula mengamalkan sunnah Baginda *sallallahu alaihi wasallam* dalam kehidupan? Marilah kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* menerusi surah Ali 'Imran, ayat 31 yang bermaksud :

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

Jika kita belum merasa rindu dan kasih terhadap Baginda *sallallahu alaihi wasallam* di dalam jiwa, bagaimana mungkin kita mampu mengamalkan dan memperjuangkan sunnah baginda dalam kehidupan seharian. Bagaimana pula mahu mendambakan syafaat Baginda di akhirat kelak. Ingatlah kecintaan kepada Baginda *sallallahu alaihi wasallam* bukan sekadar menzahirkan kemarahan apabila Baginda dihina atau sunnahnya dipermainkan, tetapi kecintaan sebenar adalah dengan sentiasa mengamalkan ajaran dan sunnah yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Saudara kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebagai seorang rasul yang membawa rahmat, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* benar-benar telah mempamerkan rahmah dalam kehidupan Baginda. Antara contoh yang kita boleh teladani

dalam kehidupan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* ialah sifat rahmah dalam menyantuni ahli keluarga. Meskipun Baginda *sallallahu alaihi wasallam* berada dalam kesibukan sebagai pemimpin umat Islam, Baginda *sallallahu alaihi wasallam* tetap meletakkan keluarga sebagai keutamaan. Baginda sentiasa membantu melaksanakan kerja-kerja rumahtangga dan sering berbincang bersama isteri-isteri baginda sebelum membuat sesuatu keputusan. Baginda bersikap lemah lembut serta sering bergurau senda, tidak mudah marah apatah lagi memukul isteri dan Baginda juga merupakan seorang bapa yang penyayang lebih-lebih lagi terhadap anak perempuan. Imam at-Tirmizi *rahimahullah* telah meriwayatkan hadith daripada Sayyidatina Aisyah *radhiallahu anha* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda yang bermaksud:

“Orang yang terbaik dalam kalangan kamu adalah orang yang paling baik (perilakunya) terhadap keluarganya, dan aku adalah orang yang terbaik dalam kalangan kamu terhadap keluargaku.”

Dalam pergaulan seharian pula, Baginda *sallallahu alaihi wasallam* tidak pernah mencerca, mengutuk, menghina, dan melaknat sesiapa pun malah golongan yang bukan Islam dalam dakwah Baginda. Imam Muslim *rahimahullah* telah meriwayatkan daripada Abu Hurairah *radhillahu anhu*, beliau menceritakan yang maksudnya:

“Rasulullah sallallahu alaihi wasallam diminta : “Ya Rasulullah, doakan kebinasaan ke atas kaum musyrikin.” Lantas Baginda

sallallahu alaihi wasallam menjawab: “Sesungguhnya aku diutus bukan sebagai pelaknat, tetapi sebagai pembawa rahmat.”

Demikianlah ketinggian budi pekerti Baginda *sallallahu alaihi wasallam* yang perlu kita contohi dalam kehidupan sehari-hari. Ungkapan rahmat kepada sekalian alam merangkumi hidayah, kebaikan dan keadilan Islam ke seluruh alam. Setiap makhluk akan merasai kesempurnaan rahmat ini tanpa ada sesuatu pun yang tersisih daripada limpahan kasih tersebut.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 21:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah saw itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri

kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan, kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.